



**Kenyataan Media
(Untuk Siaran Segera)
Rabu, 26 November 2018**

LATAR ANJUR ACARA *CAR BOOT SALE* DI KAWASAN REHAT & RAWAT KUNDANG BARAT

KUALA SELANGOR – Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR) akan menganjurkan acara *Car Boot Sale* pada 1 Disember 2018, di Kawasan Rehat & Rawat Kundang Barat bermula jam 12.00 tengahari hingga jam 6 petang.

“Tujuan acara *Car Boot Sale* ini diadakan adalah untuk mempromosikan Kawasan Rehat & Rawat Lebuhraya LATAR kepada orang ramai disamping mewujudkan platform perniagaan di kalangan para peniaga dari sekitar kawasan jajaran Lebuhraya LATAR seperti Rawang, Kuang, Kundang, Bandar Tasik Puteri, Saujana Utama, Puncak Alam dan Kuala Selangor” kata En Ahmad Fuad Ahmad Shahimi, Ketua Pegawai Operasi Lebuhraya LATAR.

“Selain aktiviti jualan secara terus dari but kereta (jualan makanan, minuman, produk samada baru atau terpakai), terdapat aktiviti-aktiviti menarik yang diaturkan seperti persembahan buskers, trak makanan (*food truck*), kaunter Touch ‘n Go, cabutan bertuah dan zumba. Bukan itu sahaja, aktiviti dan permainan interaktif menarik turut disediakan untuk kanak-kanak yang hadir pada hari tersebut” tambah beliau lagi.

Justeru itu, Lebuhraya LATAR selaku pihak penganjur ingin menjemput orang ramai hadir bersama-sama keluarga tersayang bagi memeriahkan lagi acara *Car Boot Sale* LATAR ini.

Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Surati Sujor (013-2660207) / Hairunnisa Kastolany (012-6881587).

###